

**K'jaan Akan Teruskan Usaha Membawa Perubahan Dan Transformasi - Najib
Bernama
3 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Kerajaan akan meneruskan usaha membawa perubahan dan transformasi kerana rakyat sudah menunjukkan mereka mahukan perubahan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Beliau berkata perubahan dan transformasi itu boleh dilakukan tanpa menukar kerajaan.

Perdana Menteri berkata demikian dalam entri terbaru untuk akaun laman sosial Facebook beliau Isnin.

Dalam entri yang sama Najib berkata beliau menghadiri majlis perhimpunan bulanan pertama Jabatan Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) 5 Mei lalu.

"Saya menghadiri majlis perhimpunan bulanan pertama Jabatan Perdana Menteri selepas PRU13, di Dataran Perdana, Putrajaya, pagi tadi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=953856>